



SOALAN LAZIM PENGISIAN BORANG C

1. Nombor Rujukan Fail Majikan

S1: Syarikat beroperasi tetapi tidak mempunyai pekerja yang menerima gaji sampai tahap kena PCB, perlukah syarikat ini mendaftar fail E dan isikan nombor E dalam Borang C ataupun '-' sahaja?

J1: Syarikat yang ada menggajikan pekerja wajib mendaftar nombor rujukan majikan (nombor E) dan mengisi nombor rujukan tersebut dalam borang C.

2. Tarikh Mula & Tarikh Tutup Akaun

S2: Jika terdapat 2 akaun yang disediakan dalam sesuatu tempoh asas (bagi kes-kes tempoh asas yang bertindih), akaun manakah yang harus digunakan untuk dimasukkan di dalam VII dan VIII di dalam borang nyata?

J2: Akaun yang kedua (terkini) akan digunakan bagi mengisi ruang VII dan VIII di borang nyata.

Contoh

Syarikat A memulakan operasi pada 30 Januari 2012. Tarikh perakaunan pertama syarikat ini berakhir 30.06.2012. Tempoh asas dan tarikh penghantaran borang C & R syarikat A adalah seperti berikut:

<i>Tahun Taksiran</i>	<i>Tempoh Perakaunan</i>	<i>Tempoh Asas</i>	<i>Tarikh Penghantaran Borang C & R</i>
<i>2012</i>	<i>30/01/2012 - 30/06/2012</i>	<i>30/01/2012 – 31/12/2012</i>	<i>31/01/2013</i>
<i>2013</i>	<i>01/07/2012 - 30/06/2013</i>	<i>01/07/2012 – 30/06/2013</i>	<i>31/01/2013</i>

Dalam borang C & R T/T 2012, bagi ruangan Tarikh Mula dan Tarikh Tutup Akaun, sila isikan tarikh perakaunan kedua syarikat iaitu 01.07.2012 dan 30.06.2013.

3. Relif Kumpulan

S3: Apakah syarat-syarat yang membolehkan syarikat yang menyerah dan syarikat yang menuntut menikmati relif kumpulan?

J3: Kedua-dua syarikat yang menuntut dan syarikat menyerah mestilah:


- (i) Ditubuhkan di Malaysia
- (ii) Bermastautin di Malaysia
- (iii) Merupakan syarikat berkaitan sepanjang tempoh asas bagi suatu tahun taksiran dan sepanjang tempoh 12 bulan sebaik sebelum tempoh asas bagi tahun taksiran tersebut.
- (iv) Mempunyai modal berbayar berkenaan syer biasa melebihi RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas bagi suatu tahun taksiran
- (v) Mempunyai tempoh asas 12 bulan yang berakhir pada tarikh yang sama
- (vi) Membuat pilihan yang tidak boleh ditarik balik dalam borang nyata cukai pendapatan yang dikemukakan untuk tahun taksiran berkenaan di bawah seksyen 77A dan
- (vii) Tertakluk kepada para 2, Jadual 1 ACP 1967

S4: Sekiranya syarikat saya sedang menikmati taraf perintis, adakah saya layak menuntut relif kumpulan?

J4: Sekiranya syarikat sedang menikmati insentif taraf perintis, elaun cukai pelaburan, elaun pelaburan semula atau 100% potongan perbelanjaan modal di bawah Jadual 4A adalah tidak layak menuntut relif kumpulan.

S5: Syarikat P memegang secara langsung 100% syer biasa dalam syarikat A dan 60% syer biasa dalam syarikat B. Syarikat A memegang secara langsung 45% syer biasa dalam syarikat C sementara syarikat B memegang secara langsung 55% syer biasa dalam syarikat C. Keempat-empat syarikat berkenaan adalah ditubuhkan (i) dan bermastautin (r) di Malaysia. Adakah setiap syarikat layak menuntut relif kumpulan?

J5: Sama ada relief kumpulan adalah layak atau tidak di antara syarikat P, syarikat A, syarikat B dan syarikat C ditunjukkan seperti berikut:



Hubungan syarikat	Pemegangan syer biasa (secara langsung atau tidak langsung)	Relif kumpulan dibenarkan
P & A	100% (langsung)	Ya
P & B	60% (langsung)	Tidak
P & C	78% (tidak langsung) [(100% X 45%) + (60% X 55%)]	Ya
A & B	P & A = 100% (langsung) P & B = 60% (langsung)	Tidak
A & C	P & A = 100% (langsung) P & C = 78% (tidak langsung)	Ya
B & C	P & B = 60% (langsung) P & C = 78% (tidak langsung)	Tidak

Pemegangan syer oleh/atau melalui syarikat tidak ditubuhkan di Malaysia atau melalui syarikat tidak bermastautin di Malaysia, tidak diambil kira dalam menentukan pemilikan 70% syer. Dengan kata lain, jika pemegangan syer melibatkan syarikat tidak bermastautin (nr) atau syarikat yang tidak ditubuhkan di

Malaysia (ni), maka rantaian pemilikan akan terputus dan relif kumpulan tidak dibenarkan.


S6: Menggunakan kes di atas, syarikat A tidak bermastautin (NR) di Malaysia. Bagaimanakah menentukan relif kumpulan?

J6: Syarikat A tidak layak menuntut relif kumpulan kerana tidak memenuhi syarat-syarat untuk menuntut relif kumpulan

S7: Bagaimanakah cara merekodkan tuntutan relif kumpulan secara percukaian?

J7: Contoh pengiraan relif kumpulan

Syarikat A dan syarikat B merupakan satu kumpulan syarikat yang sama. Pada tahun taksiran 2011 (tahun 1) dan tahun 2012 (tahun 2), syarikat A mengalami kerugian sementara syarikat B memperoleh keuntungan. Kedua-dua syarikat telah bersetuju untuk menuntut relif kumpulan, di mana syarikat A (syarikat menyerah) bersetuju menyerahkan 50% kerugian tahun semasa yang dialaminya kepada syarikat B (syarikat menuntut) dan syarikat B bersetuju menuntut kerugian berkenaan. Tuntutan relif kumpulan telah dibuat dalam Borang C bagi tahun taksiran 2011 dan 2012 masing-masing. Berikut adalah pengiraan relif kumpulan bagi kedua-dua tahun taksiran berkenaan.



Tahun 1

Syarikat A (Syarikat Menyerah)	RM	Syarikat B (Syarikat Menuntut)	RM
Pendapatan statutori perniagaan I (rugi larasan 300,000)	tiada	Pendapatan statutori perniagaan I	200,000
Pendapatan statutori perniagaan II (rugi larasan 50,000)	tiada	Pendapatan statutori perniagaan II	20,000
Pendapatan statutori sewa Pendapatan agregat	<u>60,000</u> 60,000	Agregat pendapatan statutori perniagaan I dan II	220,000
Tolak: Rugi tahun asas [sek. 44(2)]	<u>(60,000)</u> tiada	Campur: Pendapatan statutori sewa Pendapatan agregat	<u>50,000</u> 270,000
Tolak: Derma [sek. 44(6)] (10,000) Jumlah pendapatan	<u>-</u> <u>tiada</u>	Tolak: Derma [sek.44(6)] Pendapatan agregat ditentukan (defined agregat income)	<u>(20,000)</u> 250,000
Lebihan rugi larasan tahun semasa mengikut subseksyen 44(4) dan 44(5) (350,000-60,000) = (290,000)		Tolak: 50% kerugian dituntut Jumlah pendapatan	<u>(145,000)</u> <u>105,000</u>
Diserahkan 50% = (145,000) Rugi h/h (145,000) Amaun rugi (145,000) ini kekal di syarikat menyerah.			

Tahun 2

Syarikat A Syarikat Menyerah	RM	Syarikat B Syarikat Menuntut	RM
Pendapatan statutori perniagaan I (rugi larasan 200,000)	tiada	Pendapatan statutori perniagaan I	50,000
Pendapatan statutori perniagaan II	60,000	Pendapatan statutori perniagaan II	30,000
Agregat pendapatan statutori perniagaan I dan II	60,000	Agregat pendapatan statutori perniagaan I dan II	80,000
Tolak: Rugi b/h [sek. 43(2)]	(60,000) (1)	Campur: Pendapatan statutori sewa	20,000
Campur: Pendapatan statutori sewa	Tiada	Pendapatan agregat/ Pendapatan agregat ditentukan	100,000
Pendapatan agregat	50,000		(75,000)
Tolak: Rugi tahun asas [sek. 44(2)] Jumlah pendapatan	(50,000) tiada	Tolak: 50% rugi larasan dituntut Jumlah pendapatan	25,000
Rugi b/h dan dih/h = (85,000) [(¹) (145,000) - (60,000)] [Lebihan subseksyen 44(4) dan 44(5)] [(200,000) - (50,000)] = (150,000) Diserahkan 50% (75,000)			
(75,000) + rugi b/h (85,000) Rugi h/h (160,000) Amaun rugi (160,000) kekal di syarikat menyerah			

4. Perubahan sebahagian besar dalam pemegangan syer dan subseksyen 44(5A) terpakai.

S8: Syarikat DEP Sdn Bhd menutup akaunnya pada 31 Disember setiap tahun. Pemegang syer seperti berikut:

<u>Tarikh</u>	<u>Peratusan pemegangan syer</u>
31.12.2010	P : S (50% : 50%)
01.01.2012	P : S (1% : 99%)

Adakah berlaku perubahan dalam pemegangan syer?


J8: Dalam kes ini, tidak berlaku perubahan sebahagian besar pemegang syer dalam DEP Sdn Bhd kerana pemegang syer biasa pada kedua-dua tarikh berkenaan masih merupakan pemegang yang sama iaitu P dan S, dan di antara mereka masih memegang lebih 50% syer. Perubahan berlaku hanya dari segi peratusan pemegangan antara P dan S. Oleh itu, kerugian larasan serta elaun modal bagi tahun taksiran 2011 yang tidak dapat diserap boleh dibawa hadapan dan diserap dalam tahun taksiran 2012.

**S9: Alis Sdn Bhd telah membuat penstrukturan dalam kumpulan di mana pemegang syer syarikat Q telah bertukar daripada syarikat M kepada syarikat P seperti rajah yang tertera.
Adakah berlaku perubahan sebahagian besar pemegangan syer dalam syarikat?**


J9: Dalam kes ini, perubahan besar sebahagian besar pemegangan syer telah berlaku dalam syarikat Q. Walau bagaimanapun, disebabkan tidak berlaku perubahan sebahagian besar dalam pemegangan syer terakhir (ultimate shareholder) iaitu Alis Sdn Bhd masih memegang secara tidak langsung 100% syer syarikat Q, maka tidak berlaku perubahan sebahagian besar pemegangan syer syarikat Q.

S10: Sebelum perubahan pemegangan syer, syarikat O ialah subsidiari kepada syarikat N yang memegang 80% syer syarikat O. Pada masa yang sama, syarikat N adalah subsidiari syarikat M yang juga memegang 80% syer dalam syarikat N. Syarikat M mempunyai 3 pemegang syer individu iaitu individu A memegang 60%, individu B memegang 20% dan individual C memegang 20%. Individu A, kemudiannya telah menjual kesemua syernya kepada individu D.


Struktur pemegangan syer pada masa sebelum dan selepas pindah milik syer boleh digambarkan seperti berikut:



Sebelum



Selepas



J10: Dalam kes ini telah berlaku perubahan sebahagian besar pemegangan langsung syer dalam syarikat M (pemegang syer terakhir bagi syarikat N dan O) apabila pemegang syer telah bertukar daripada individu A kepada individu D walaupun pemegang syer bagi syarikat M iaitu individu B dan C masih sama. Ini disebabkan kedua-dua individu B dan C tidak memegang lebih 50% syer syarikat M pada masa sebelum dan selepas pindah milik.

Justeru, perubahan sebahagian besar pemegangan tidak langsung syer dalam syarikat N dan O dianggap telah berlaku walaupun pemegangan syer langsung dalam kedua-dua syarikat berkenaan tidak berubah.

S11: Cantik Sdn Bhd menutup akaunnya pada 31 Disember setiap tahun. Pada bulan November 2012, salah seorang pemegang syernya Encik Azizi telah memindahkan syernya kepada Encik Asri dan Puan Farizan dengan peratusan pemegangan syer seperti berikut:

	Pemegangan syer pada 31.12.2011	%	Pemegangan syer pada 31.12.2012	%
Encik Asri	40,000	40	60,000	60
Encik Azizi	60,000	60	Tiada	Tiada
Puan Farizan	Tiada	Tiada	40,000	40
	100,000	100	100,000	100

J11: Dalam contoh ini, telah berlaku perubahan sebahagian besar pemegangan syer dalam Cantik Sdn Bhd. Walaupun Encik Asri memegang 60% syer biasa syarikat selepas pindah milik tetapi Encik Asri bukan pemilik sebahagian besar syer biasa syarikat sebelum pindah milik kerana dia hanya memiliki 40% syer biasa syarikat.

5. Tuntutan Elaun Jadual 3

S12: Apakah perbezaan amaun yang perlu diisi di ruangan E1(a), E11 dan E12?

J12: Ruang E1(a) adalah jumlah elaun modal yang dituntut bagi tahun taksiran semasa, termasuk aset yang sedia ada dan juga aset yang baru diperolehi dalam tahun semasa.

Ruang E11 adalah untuk elaun modal dipercepatkan yang boleh dituntut mengikut syarat-syarat dalam Mini Bajet 2009.

Ruang E12 hanya melibatkan elaun modal bagi aset yang diperolehi dalam tahun taksiran semasa sahaja. Sekiranya aset diperolehi secara sewa beli atau pajakan kewangan, hanya elaun modal ke atas jumlah prinsipal yang dibayar sahaja patut dinyatakan.

6. Maklumat Kewangan Syarikat

S13: Apakah perbezaan antara “Pendapatan perniagaan lain” dengan “Pendapatan lain”?

J13: Pendapatan perniagaan lain merujuk kepada pendapatan selain daripada jualan yang diterima dari perniagaan. Contoh: *Pampasan insurans atas kerosakan stok barangniaga.*

Pendapatan Lain adalah pendapatan yang diterima syarikat daripada sumber bukan perniagaan. Contoh: *Sewa.*

S14: Apakah yang dikehendaki di ruang “Jumlah kos aset tetap yang diperolehi dalam tempoh asas” dalam Borang C?

J14: Hanya jumlah kos asal aset tetap yang diperolehi dalam tempoh asas semasa diambil kira dalam ruang ini. Jika aset tetap diperolehi secara sewa beli atau pajakan kewangan, hanya jumlah prinsipal yang dibayar sahaja perlu dinyatakan.



S15: Bagaimana untuk mengisi Maklumat Kewangan Syarikat jika melibatkan 2 tahun kewangan (tempoh bertindih)?

J15: Maklumat Kewangan Syarikat dalam Borang C hanya perlu diisi bagi tahun kewangan yang terkini sahaja.

S16: Bagi ruangan yang melibatkan aset dan liabiliti, perlu atau tidak maklumat tersebut diseimbangkan seperti dalam akaun beraudit atau perlu mengambilkira kos sebenar aset?

J16: Perlu mengikut akaun beraudit.

S17: Di ruangan manakah perlu dimasukkan aset tidak ketara seperti 'Goodwill'?

J17 : Masukkan di ruangan "Aset Tetap Lain".

7. Transaksi Di Antara Syarikat Berkaitan

S18: Apakah yang dimaksudkan dengan syarikat berkaitan?

J18: Bagi tujuan pengisian borang C, syarikat berkaitan yang dimaksudkan adalah berkaitan dari segi pegangan ekuiti (saham) dan ia adalah termasuk anak syarikat (subsidiary) dan syarikat sekutu (associated/affiliated).

S19: Bagi ruangan amaun pinjaman kepada/daripada syarikat berkaitan, adakah perlu mengisi amaun asal pinjaman atau baki pinjaman dihujung tahun selepas bayaran dibuat?

J19: Amaun yang perlu dinyatakan pada amaun pinjaman kepada/ daripada syarikat berkaitan adalah merujuk kepada amaun baki pada awal tahun dan jumlah pinjaman yang dibuat di dalam tahun semasa.

Sebagai contoh pada Ruangan N10 – Pinjaman Daripada Syarikat Berkaitan Luar Negara, berikut adalah contoh amaun yang perlu dilaporkan mengikut simulasi dibawah:

	Tahun 2015 (RM)	Tahun 2016 (RM)	Tahun 2017 (RM)
Baki pinjaman b/b (a)	0	700,000	1,500,000
Pinjaman tahun semasa (b)	1,000,000	1,000,000	1,000,000
Bayaran pinjaman	300,000	200,000	300,000
Baki pinjaman h/h	700,000	1,500,000	2,200,000
Amaun Dilaporkan (a) + (b)	1,000,000	1,700,000	2,500,000

8. Maklumat Syarikat

S19: Bagi syarikat yang tidak beroperasi (dorman), bagaimana perlu diisi pada alamat premis perniagaan?

J19 : Isikan seperti tidak berkaitan iaitu '-'

S20: Pengarah Syarikat yang tidak mempunyai fail cukai SG / OG kerana tidak sampai tahap kena cukai, bagaimana perlu diisi?

J20: Isikan '-' sahaja.



S21: Untuk syarikat di bawah pembubaran, ruang “Akuan” perlu ditandatangani oleh pembubar (liquidator). Oleh itu, adakah ruangan pengarah perlu diisi dengan butir-butir pembubar (liquidator)?

J21: Tidak. Ruangan pengarah masih perlu diisi dengan butir-butir Pengarah.

9. Maklumat Lima Pemegang Syer Utama

S22: Syarikat mempunyai 10 orang pemegang saham dan 4 orang sahaja pemegang saham utama. Bagaimana bahagian ini perlu diisi?

J22: Maklumat yang diperlukan adalah pemegang saham yang utama. Sila nasihatkan pembayar cukai supaya mengisi nama-nama 4 pemegang saham yang utama sahaja.

S23: Bagaimanakah syarikat berhad perlu mengisi ruangan ini?

J23: Syarikat berhad tidak perlu mengisi ruangan ini.

10. Maklumat Lain

S24: Apakah yang dimaksudkan dengan “Ketetapan Awal”?

J24: Ketetapan Awal ialah satu kenyataan bertulis oleh Ketua Pengarah berhubung layanan cukai terhadap suatu urusan atau transaksi yang akan dikendalikan oleh pembayar cukai. Ciri-ciri utama sistem ketetapan awal ialah:

- i) Permohonan perlu dibuat dalam borang yang ditetapkan,
- ii) Permohonan untuk ketetapan awal akan dikenakan fi
- iii) Ketetapan awal hanya terpakai untuk pemohon sahaja
- iv) Ketetapan awal hendaklah berdasarkan fakta sebenar dan bukan berdasarkan andaian dan
- v) Ketetapan awal yang dikeluarkan oleh LHDN tidak terpakai sekiranya fakta yang digunakan semasa membuat ketetapan awal adalah salah atau berbeza.

Sekiranya syarikat telah memohon ketetapan awal, sila tandakan ‘Ya’



S25: Sekiranya syarikat memohon Ketetapan Awal adakah syarikat tertakluk dan perlu mematuhi ketetapan tersebut?

J25: Mengikut Subseksyen 138B(4) dan (5), sesuatu ketetapan awal yang diberi berdasarkan suatu cadangan perkiraan adalah tertakluk (binding) kepada LHDNM dan pemohon sekiranya cadangan perkiraan dilaksanakan. Pemohon mempunyai pilihan samada untuk melaksanakan perkiraan yang dicadangkan setelah mendapat ketetapan awal daripada KPHDNM atau pun tidak melaksanakannya.

S26: Sekiranya berlaku perubahan ketara, adakah syarikat terikat dengan ketetapan awal?

J26: Sekiranya syarikat melaksanakan perkiraan, tetapi perkiraan itu telah berubah dengan ketara, maka ketetapan awal yang diberi tidak lagi terpakai ke atasnya. Dengan itu, KPHDNM dan syarikat tidak lagi terikat kepada ketetapan awal yang telah diberi. Perubahan ketara dalam perkiraan bermaksud apabila perkiraan yang dicadangkan telah berubah dari segi fakta ke tahap di mana ketetapan awal yang diberi tidak lagi relevan atau boleh dipakai. Ketetapan awal ini tidak boleh diguna pakai mungkin disebabkan isu-isunya berbeza dan oleh itu peruntukan ACP 1967 yang diberi juga tidak lagi tepat.



11. Akuan

S27: Bahagian pengakuan di Borang C, boleh atau tidak ianya ditandatangani oleh pengarah yang telah meletak jawatan di dalam syarikat berkenaan?

J28: Tidak boleh. Bahagian ini perlulah ditandatangani oleh pengarah yang masih berada di dalam syarikat iaitu pengarah syarikat yang terkini.

S28: Bagaimana sekiranya salah satu ruangan di Bahagian Akuan tidak dipenuhi?

J28: Ia akan dianggap sebagai tidak lengkap, dan borang C akan dikembalikan.

Disediakan oleh:

Jawatankuasa Pengemaskinian Soalan Lazim dan Pangkalan Ilmu
Pusat Khidmat Pelanggan
Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Di pinda Jun 2017